

Harian Metro - 1 MAC 16

FOTO: MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK



UniSZA hantar 15 calon Tokoh Siswa

PELAJAR berselfie bersama Jamil Khir pada Majlis Ramah Mesra Menteri Mentor UniSZA di Dewan Perdana, UniSZA.

Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan menghantar 15 calon bagi menyertai Anugerah Tokoh Siswa tahun ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA Prof Madya Dr Nik Wan Omar berkata, setiap calon dikenal pasti dipanggil menghadiri sesi temu duga di peringkat universiti sebelum disaring bagi dihantar menyertai anugerah berkenaan.

"Tahun lalu, tujuh calon dari universiti ini memenangi anugerah dipertandingkan di peringkat nasional," katanya selepas majlis Ramah Mesra Menteri Mentor UniSZA Bersama Pelajar Baru, di sini, kelmarin.

Program berkenaan diadakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Nik Wan berkata, pihaknya percaya pendekatan terbaik memupuk sifat kepemimpinan dan kemahiran insaniah dalam kalangan penuntut dengan menggalakkan mereka mencebur ke seberapa banyak aktiviti di peringkat universiti.

"Untuk itu, saban tahun kita menganjurkan ribuan

program contohnya pada 2015, 1,700 program dianjurkan berbanding 1,400 pada tahun sebelumnya.

"Setiap penuntut dikenal pasti mempunyai potensi diberi tanggungjawab menjadi ahli jawatankuasa bermula jawatankuasa kecil dan sedikit demi sedikit diberikan tanggungjawab lebih besar dari semasa ke semasa."

"Mereka dikehendaki menggalas penuh tanggungjawab mengendalikan program dan pihak universiti hanya memantau perjalanan sesuatu program dianjurkan," katanya.